

STPM Kertas 1 Set KVK 1: Soalan 4

- (a) Perihalkan tiga ciri bentuk organisasi koperasi yang berbeza daripada bentuk organisasi syarikat berhad. (4 markah)
- (b) Berikut adalah imbangan duga Koperasi Valdor Prima Berhad pada 31 Oktober 2020:

Akaun	Debit RM	Kredit RM
Bank	26,230	
Inventori pada 31 Oktober 2020	28,560	
Tunai runcit	640	
Akaun belum terima	10,400	
Peruntukan hutang ragu		480
Hutang lapuk	1,200	
Hutang lapuk terpulih		540
Jualan		388,600
Kos jualan	210,520	
Pulangan masuk	2,850	
Belanja sewa	24,000	
Belanja utiliti	5,660	
Yuran audit	3,600	
Belanja faedah pinjaman	2,000	
Belanja komisen	3,200	
Derma	6,000	
Belanja seminar	12,400	
Belanja jualan dan pengagihan	26,150	
Belanja pentadbiran pejabat	31,200	
Elaun ahli lembaga koperasi	16,120	
Zakat	1,800	
Cukai dibayar	12,460	
Dividen diterima		4,800
Pendapatan lain		8,420
Yuran masuk		1,440
Pinjaman		20,000
Akaun belum bayar		4,680
Simpanan tetap	6,500	
Kumpulan wang kebajikan ahli koperasi		12,800
Kumpulan wang rizab berkanun		18,290
Untung terkumpul		11,240
Pelaburan jangka panjang	50,000	
Aset tetap	120,000	
Susut nilai terkumpul aset tetap		30,200
Modal saham		100,000
	601,490	601,490

Maklumat tambahan:

1. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 3% atas baki akaun belum terima pada akhir tahun.
2. Aset tetap disusut nilai pada kadar 20% setahun atas kos.
3. Rebat jualan kepada ahli koperasi ditetapkan sebanyak 3% atas jualan. Jualan kepada ahli berjumlah RM182,000.
4. Belanja jualan dan agihan termasuk RM3,080 yang merujuk kepada angkutan masuk.
5. Honorarium pengarah dicadangkan pada kadar 10% dan dividen dicadangkan pada kadar 4% atas modal saham.
6. Sumbangan kepada Kumpulan Wang Kebajikan Am Ahli Koperasi ialah 10%.
7. Sumbangan kepada Kumpulan Wang Rizab Berkanun, Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi adalah 12%, 2% dan 1% masing-masing.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020.
(7 markah)
- (ii) Sediakan penyata pembahagian untung rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020.
(4 markah)
- (iii) Sediakan penyata kedudukan kewangan pada 31 Oktober 2020.
(5 markah)